

01/11/2003

Reaksi pelantikan Abdullah sebagai PM baru

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob

"SAYA mewakili kerajaan dan rakyat Pahang mengucapkan tahniah dan selamat menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kami yakin Pak Lah berjaya meneruskan dasar dan usaha yang diterapkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan cara dan gayanya sendiri.

"Saya juga ingin mengucapkan selamat bersara kepada Dr Mahathir. Tiada kata-kata yang dapat diluahkan untuk menggambarkan kehilangan atas persaraannya sebagai Perdana Menteri. Semoga Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, sentiasa dipelihara Allah."

Ketua Menteri Sabah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Musa Aman

"KAMI akan berdiri teguh di belakang kepimpinan Abdullah sebagaimana kami lakukan ke atas Dr Mahathir sebelum ini. Abdullah seorang pemimpin berkarisma tinggi dan berwibawa serta paling layak untuk menerajui negara ini bagi menghadapi cabaran alaf baru."

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Tan Sri Joseph Kurup.

"Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) berharap Abdullah dapat terus membawa negara ini ke era lebih cemerlang dan dalam masa yang sama, memberi keutamaan terhadap agenda pembangunan di Sabah."

Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee

"PARTI Maju Sabah (SAPP) menyokong penuh kepimpinan Abdullah sebagai Perdana Menteri yang kelima dalam merealisasikan objektif pembangunan negara serta bagi menghadapi cabaran global.

"Pelantikan Pak Lah sudah pasti akan dapat memastikan kejayaan negara berterusan dan pada masa sama, kita yakin dengan kualiti kepimpinan beliau, segala cabaran dan ancaman luar dapat diatasi.

"Sebagai parti komponen Barisan Nasional, SAPP berharap akan dapat memainkan peranan baru yang lebih bererti di bawah kepimpinan Abdullah bagi memantapkan lagi kedudukan BN."

Presiden Pertubuhan Pasok Momugun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko), Tan Sri Bernard Dompok

"PELANTIKAN Pak Lah sebagai Perdana Menteri juga menunjukkan kesinambungan proses peralihan kuasa kepimpinan tinggi negara berjalan dengan baik sebagaimana sebelumnya.

Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia, Norizan Sharif

"Majlis percaya kesediaan dan sikap terbuka Datuk Seri Abdullah untuk mendengar pendapat semua pihak, termasuk belia, akan membolehkan generasi muda terus membabitkan diri dalam usaha pembangunan dengan cara yang lebih bermakna."

Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD),  
Datuk Seri Aseh Che Mat

"SEBAGAI satu persatuan pegawai-pegawai kanan kerajaan, kami berjanji akan menyokong sepenuhnya pentadbiran negara di bawah pimpinan YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi demi kemajuan serta kestabilan ekonomi dan sosial negara."

Presiden Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), Datuk Seri  
Megat  
Najmuddin Megat Khas

"SAYA yakin Datuk Seri Abdullah akan melangkah ke hadapan dengan lebih yakin kerana Dr Mahathir telah meletakkan asas yang amat kukuh untuk kita semua, rakyat Malaysia. Kita, rakyat Malaysia, mengharapkan masa depan yang cemerlang di bawah Datuk Seri Abdullah."

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam

"RAKYAT Melaka rasa bersyukur dan akan terus menyokong Datuk Seri Abdullah sepenuhnya seperti mana kita menyokong Dr Mahathir dulu.

"Oleh itu semua anggota BN perlu bekerja keras untuk merampas kerusi-kerusi pembangkang di negeri ini terutamanya kawasan Parlimen Kota Melaka yang sudah 30 tahun dikuasai oleh DAP."